

Mengenai Hasil-Hasil Lawatan Rakan L. I. Brezhnev ke Amerika Syarikat

**Di Biro Politik Jawatankuasa Pusat CPSU, Presidium USSR
Soviet Supreme dan Majlis Menteri-Menteri USSR**

Biro Politik Jawatankuasa Pusat CPSU Presidium USSR Soviet Supreme, dan Majlis Menteri-Menteri USSR telah mengkaji hasil-hasil lawatan ke Amerika Syarikat oleh Rakan L. I. Brezhnev, Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU, dan seorang anggota Presidium Soviet Supreme USSR. Sambil memberi perhatian terhadap sumbangan peribadi Rakan Brezhnev dalam hal ini, mereka telah menyatakan persetujuan penuh terhadap hasil-hasil politik dan praktikal dari lawatan ini yang menjadi satu asas penting dan telah membuktikan satu peristiwa mempunyai erti yang besar.

Hasil-hasil dari lawatan Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU ke Amerika Syarikat telah sekali lagi mengesahkan tentang berfaedah dan berkesannya Rancangan Keamanan yang diluluskan oleh Kongres Ke 24 CPSU, dan telah membuktikan berfaedahnya dan kekuatan Dasar Lenin bagi Hidup Bersama Secara Aman.

Masa yang telah berlalu sejak Sidang Kemuncak Soviet-Amerika di Moscow dalam bulan Mei, 1972 telah sepenuhnya mengalami ketepatan dan betapa kena pada masanya langkah-langkah yang diambil pada masa itu bagi memperbaiki hubungan Soviet-Amerika. Persidangan Moscow itu dan "Prinsip-Prinsip Asas Hubungan Faedah Bersama Antara USSR dan Amerika Syarikat" yang diluluskan dalam sidang itu, menandakan bermulanya satu perubahan dari syak wasangka kepada persefahaman, pemulihan

hubungan dan kerjasama antara kedua negara kita. Hasil daripada rundingan-rundingan yang terakhir antara Rakan Brezhnev dengan Presiden Nixon, satu pandangan baharu dan berguna telah diwujudkan dalam hubungan antara USSR dengan Amerika Syarikat.

Biro Politik Jawatankuasa Pusat SCSU, Presidium Soviet Supreme USSR dan Majlis Menteri-Menteri USSR mengambil perhatian bahawa rundingan-rundingan yang diadakan dan selesai itu telah meletakkan satu asas kukuh bagi perkembangan biasa hubungan Soviet-Amerika dan bagi meneguhkan kerjasama yang memberi faedah bersama antara kedua negara kita, dan pada waktu yang sama memberi sumbangan ke arah menguatkan persefahaman dan meneguhkan keamanan dunia serta keselamatan negara-negara.

Persetujuan bagi "Mencegah Perang Nuklear" bagi masa yang tidak terhad, yang dicapai antara USSR dan USA, adalah satu langkah penting ke arah mengurangkan dan akhirnya menghapuskan bahaya meletuskan satu perang nuklear, dan ke arah mengwujudkan satu sistem jaminan berkesan bagi keselamatan antarabangsa. Pelaksanaan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani, dan pertukaran dari per-tentangan nuklear antara USA dan USSR ke satu tujuan bertujuan untuk mencegah perang nuklear dan menyelesaikan masalah-masalah yang timbul melalui rundingan-rundingan akan mempunyai pengertian yang sebenarnya bersejarah bagi semua manusia.

"Prinsip-Prinsip Asas bagi Rundingan Mengenai Usaha Menghadkan Lebih Lanjut Senjata-Senjata Strateji Menyerang" ditandatangani di Washington, adalah bertujuan untuk memainkan peranan yang mustahak. Dokumen ini, yang menambahkan lagi suasana yang diwujudkan oleh Perjanjian-Perjanjian di Moscow dalam bulan Mei, 1972, bukan sahaja bertujuan untuk meneruskan secara aktif usaha-usaha bagi mengadakan had bagi senjata-senjata menyerang strateji, dalam bentuk kemajuan jumlah dan mutu tetapi juga menggambarkan langkah-langkah yang berikutnya berguna bagi mengurangkan senjata-senjata itu.

Suatu yang agak mustahak ialah "Perjanjian Antara USSR dan USA mengenai Kerjasama Sains dan Teknik di Bidang Penggunaan-Penggunaan Tenaga Atom Bagi Tujuan Ke-

amanan", tujuan utamanya ialah bagi membangunkan sumber-sumber yang baharu dan sangat berkesan.

Kemajuan keseluruhannya kerjasama keamanan antara kedua negara di berbagai bidang, dan terutama sekali harapan-harapan baharu bagi mengadakan hubungan-hubungan perdagangan dan ekonomi antara kedua negara, akan menolong lebih lanjut usaha menstabilkan hubungan Soviet-Amerika.

Rakyat Soviet menganggap suatu yang sangat penting fakta bahawa dalam masa lawatan Rakan Brezhnev, ramai kalangan awam Amerika menyatakan perasaan persahabatan bagi rakyat kita dan telah menunjukkan satu persefahaman tentang mustahaknya perkembangan terus hubungan Soviet-Amerika.

Pada masa dekat selepas perang, ketegangan-ketegangan dalam hubungan Soviet-Amerika mempunyai kesan buruk ke atas keadaan antarabangsa keseluruhannya, tetapi sebaliknya sekarang, bertambah baiknya hubungan Soviet-Amerika, tanggungjawab-tanggungjawab yang dipikul oleh kedua negara bagi menahan diri dari membuat ancaman atau menggunakan kekerasan terhadap satu pihak lagi, terhadap negara-negara sekutu satu pihak lagi dan terhadap negara-negara ketiga, dan keazaman yang disuarakan dengan jelas oleh kedua pihak untuk menghormati hak-hak dan kepentingan-kepentingan semua negara, akan menjadi satu faktor penting dalam memperbaiki secara radikal keadaan antarabangsa, dan membuka peluang-peluang kemungkinan yang luas bagi kerjasama yang membina antara semua negara lain.

Usaha bagi meneguhkan keamanan adalah hasil dari keperluan, diakui dan dipersetujui dalam rundingan-rundingan tersebut, bagi memenuhi dengan tegas perjanjian-perjanjian Paris mengenai Vietnam, tanpa sebarang campurtangan dari luar; ini akan menolong memberi semua rakyat Indo-China kemungkinan untuk hidup secara aman.

Persetujuan bersama yang dicapai oleh kedua negara dalam rundingan-rundingan mereka mengenai masalah-masalah keselamatan Eropah, dan terutama sekail keinginan bersama mereka bagi mengadakan satu persidangan bagi Eropah secepat yang boleh, akan menjadi suatu yang

sangat besar pentingnya dari segi untuk menjamin satu keamanan yang stabil di benua itu.

Suatu lagi yang juga besar pentingnya ialah keinginan, seperti yang disebut dalam pernyataan bersama, untuk mencapai satu penyelesaian bagi pertikaian Timur Tengah berasaskan kepada prinsip-prinsip menentukan hak-hak dan kepentingan-kepentingan semua rakyat dan negeri-negeri di kawasan itu, termasuk yang diduduki oleh rakyat Palestin. Sikap Soviet dalam soal ini telah dijelaskan dalam rundingan-rundingan itu. Selaras dengan Rancangan Awam, Soviet Union menganggapnya satu asas yang penting bagi menghapuskan pusat tumpuan perang di Timur Tengah atas dasar menghormati hak-hak asasi negeri-negeri dan rakyat yang sentiasa diancam kekerasan. Pengunduran askar-askar Israel dari wilayah-wilayah Arab yang didudukinya ialah asas bagi satu penyelesaian adil bagi masalah Timur Tengah.

Hasil-hasil dari sidang kemuncak Soviet-Amerika diadakan dalam bulan Jun, 1973, bukan sahaja mewakili kepentingan-kepentingan rakyat-rakyat USSR dan USA tetapi juga seluruh manusia yang cintakan keamanan.

Hasil-hasil dari lawatan Rakan Brezhnev ke USA ialah satu lagi bukti yang dapat dipercayai bahawa sekarang terdapat kemungkinan-kemungkinan bagi perkara-perkara utama, walau bagaimanapun ianya sulit, melalui rundingan atas asas prinsip-prinsip hidup bersama negeri-negeri tanpa memperdulikan perbezaan-perbezaan sistem-sistem sosial mereka.

Melaksanakan tanpa berganjak dan menyeleweng oleh kedua pihak semua tanggungjawab-tanggungjawab yang mereka telah pikul ialah syarat awal bagi menjadikan hubungan Soviet-Amerika satu faktor kekal dalam mencapai keamanan sejagat, dalam menentukan proses-proses mengendurkan ketegangan yang ada di hari ini tidak lagi berpatah balik dan dalam mengujudkan kerjasama keamanan dan berfaedah kepada kedua pihak di kalangan negeri-negeri yang mempunyai sistem-sistem sosial yang bertentangan.

Pihak Soviet telah menyatakan keyakinan bahawa kesediaan negeri-negeri lain melibatkan diri pada prinsip-prinsip mengutuk penggunaan kekerasan dan dalam mengambil langkah-langkah muktamad bagi menyekat meletus-

nya perang nuklear, seperti yang diakui bersama oleh USSR dan Amerika Syarikat, akan menjadi besar pentingnya bagi menjamin keselamatan sejagat dan keamanan yang kekal di dunia ini.

Hasil-hasil dari lawatan Rakan Brezhnev ke Amerika Syarikat dan semua langkah-langkah di bidang dasar luar yang dijalankan oleh negara kita secara bersama dengan negara-negara sosialis lain selepas Kongres Ke 24 CPSU merupakan satu sumbangan penting ke arah memperbaiki kedudukan antarabangsa.

Hasil-hasil dari rundingan-rundingan Soviet-Amerika adalah dianggap sangat mustahak oleh rakyat Soviet, oleh negara Sosialis yang kekal, oleh pergerakan komunis antarabangsa, dan oleh kuasa-kuasa progresif yang inginkan keamanan kerana ia memajukan lagi kepentingan-kepentingan keamanan dan berfaedah kepada rakyat di semua negara.

Biro Politik Jawatankuasa Pusat CPSU, Presidium USSR Soviet Supreme dan Majlis Menteri-Menteri USSR mengistiharkan bahawa Soviet Union akan terus mengeratkan hubungan-hubungan dengan sahabat-sahabat kita dan negara-negara sekutu, negara-negara dalam masyarakat sosialis. Kita akan mengujudkan hubungan-hubungan dan rundingan-rundingan dengan negara-negara yang telah membebaskan diri dari tekanan-tekanan penjajah, dan kita akan memberi bantuan kepada semua rakyat yang berjuang untuk keamanan, pembebasan negara, demokrasi dan sosialisma. Seperti di masa lampau, Soviet Union akan sekeras-kerasnya menolak semua tipu helah kuasa-kuasa penjajah yang agresif, dan semua mereka yang menentang usaha mengendurkan ketegangan, mereka yang mahu mengamalkan semula "Perang Dingin", untuk perlumbaan senjata, semua mereka yang menanam bibit-bibit permusuhan dan menimbulkan syak wasangka di kalangan negara-negara.

Dasar luar USSR diasaskan kepada perpaduan dan kekuatan negara kita, atas sokongan sebulat suara dari Parti kita, Jawatankuasa Pusat Leninnya dan Kerajaan Soviet. Dari usaha-usaha mereka yang tidak mengenal penat lelah bagi menambahkan kuasa dan keteguhan Sosialis ibunda mereka, rakyat Soviet sedang menguatkan asas-asas ke arah keamanan yang kekal dan berpanjangan serta keselamatan negara-negara.